

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017**

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

**2½ jam**

**5226/2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tujuh soalan.*
2. *Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya lima soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**5226/2 © 2017 Hak Cipta Kerajaan Malaysia**

*[Lihat halaman sebelah*  
**SULIT**



**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah pengertian mukjizat? [2 markah]  
(ii) Terangkan **dua** peranan mukjizat. [4 markah]
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan Islam sebagai ad-Din? [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** keistimewaan Islam. [4 markah]

Tanggal 14 Februari merupakan satu tarikh yang dinanti-nantikan oleh segelintir pasangan kekasih di seluruh dunia kerana meraikan cinta. Walau bagaimanapun, umat Islam dilarang meraikannya kerana amalan ini bertentangan dengan Islam.

- (c) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan hujah anda amalan tersebut bertentangan dengan Islam. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** akibat kepada masyarakat yang terpengaruh dengan ajaran sesat. [4 markah]

Benua	Negara	Bilangan umat Islam	Peratus
Amerika Selatan	Argentina	784 000	1.9%
Australia	Australia	365 000	1.7%
Eropah	Austria	353 000	4.2%
Amerika Utara	Kanada	657 000	2.0%
Asia	Jepun	183 000	0.1%
Afrika	Cameroon	3 498 000	17.9%

(Sumber USIM.wikipedia.org)


- 2 (a) Berdasarkan jadual di atas, nyatakan **empat** sebab agama Islam sesuai diamalkan di seluruh dunia walaupun di negara bukan Islam. [4 markah]

Kuala Lumpur 7 Mei - Sebanyak 38 877 kes jenayah indeks dicatatkan bagi tempoh Januari hingga April tahun ini, kata Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani. Beliau berkata, jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 4.6 peratus berbanding bagi tempoh sama tahun lepas.

Sumber: Utusan Online 7 Mei 2016

- (b) Huraikan cara menyelesaikan masalah di atas berdasarkan prinsip waqi'iyyah. [4 markah]

- (c) (i) Jelaskan maksud murunah beserta **dua** contoh. [4 markah]  
(ii) Terangkan **dua** kelebihan sifat murunah. [4 markah]
- (d) Thabat bermaksud ajaran Islam tetap dan teguh serta tidak berubah.  
Jelaskan konsep Thabat terhadap perkara berikut:  
(i) Ibadat solat fardu.  
(ii) Hukum jenayah Islam. [4 markah]
- 3 (a) Nyatakan **dua** kedudukan Rasulullah SAW dalam Perlembagaan Madinah. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** matlamat penubuhan negara Islam. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab hakim dalam sistem kehakiman Islam. [4 markah]  
(ii) Terangkan **tiga** faedah kepada masyarakat jika hakim melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna. [6 markah]



- (d) Huraikan sebab masih terdapat dalam kalangan umat Islam yang gagal melaksanakan tanggungjawab menunaikan solat seperti mana kesungguhan yang ditunjukkan dalam gambar di atas. [4 markah]

- 4 (a) (i) Apakah maksud hak milik harta dalam Islam? [2 markah]  
(ii) Jelaskan kepentingan hak milik harta kepada manusia. [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** matlamat bekerja terhadap individu. [4 markah]  
(ii) Nyatakan **empat** etika kerja dalam Islam. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** syarat sah bermuamalah secara am menurut Islam. [4 markah]

Ahmad membeli sebuah kereta berharga RM188 888 dengan membayarnya secara ansuran selama 9 tahun melalui pembiayaan perbankan Islam.

- (d) Huraikan alasan Islam mengharuskan muamalah seperti pernyataan di atas. [4 markah]
- 5 (a) Terangkan **dua** sebab al-Quran dan al-Hadis menjadi rujukan utama perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Apakah pengertian istilah berikut:  
(i) Qadha  
(ii) Fatwa [4 markah]
- (c) Fikah ialah kefahaman tentang hukum amali yang diambil daripada dalil-dalil syarak.  
Jelaskan **dua** matlamat fikah. [4 markah]

Azan maghrib telah berkumandang di masjid Kampung Aman. Encik Ali merupakan salah seorang penduduk kampung yang mendengar azan tersebut tetapi beliau menunaikan solat secara bersendirian di rumahnya.

- (d) Apakah akibat yang akan terjadi sekiranya sikap Encik Ali juga menjadi amalan penduduk yang lain? Huraikan pandangan anda. [4 markah]
- (e) (i) Terangkan tujuan Islam menuntut umatnya supaya berkahwin. [2 markah]  
(ii) Jelaskan tanggungjawab bersama suami isteri terhadap keluarga. [2 markah]

- 6 (a) Statistik kes penderaan kanak-kanak oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tahun	Bilangan Kes
2010	3 257
2011	3 428
2012	3 831
2013	4 119


(Sumber: Utusan Online 6 Julai 2015)

### Maklumat 1


Menurut seksyen 31(1), Akta kanak-kanak 2001, jika sabit kesalahan penderaan kanak-kanak, seseorang itu boleh dihukum denda tidak melebihi RM20 000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

### Maklumat 2

- (i) Berdasarkan maklumat 1 dan maklumat 2 di atas, huraikan sebab berlakunya penderaan dalam kalangan kanak-kanak. [4 markah]
  - (ii) Jelaskan **tiga** tindakan yang boleh anda lakukan untuk mengurangkan kes di atas. [6 markah]
  
  - (b) Terangkan **tiga** peranan rakan sebaya untuk membantu kecemerlangan dalam pendidikan. [6 markah]
  
  - (c) Jelaskan **dua** cadangan untuk mencapai jati diri yang mantap. [4 markah]
- 7 (a) Senaraikan **dua** contoh bagi setiap perkara berikut:
- (i) Harta yang diperoleh secara zalim.
  - (ii) Harta yang diperoleh melalui barang yang haram.
  - (iii) Harta yang diperoleh melalui perkhidmatan yang tidak diakui oleh syarak. [6 markah]
- (b) Terangkan **tiga** kesan memperoleh harta secara haram menurut Islam. [6 markah]



Gambar 1



Gambar 2

- (c) (i) Berdasarkan gambar 1 dan 2 di atas, nyatakan hukum perbuatan tersebut. [1 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** alasan anda. [3 markah]
- (iii) Seorang rakan anda mengalami kesempitan wang dan memilih cara dalam **gambar 1** untuk menyelesaikan masalahnya.  
Huraikan cara anda untuk mencegah perbuatan tersebut. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**